

05 MAY 1996

Salleh-Jawatan

PERALIHAN KUASA DI SABAH SECARA TERTIB, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak hari ini memberi jaminan peralihan kuasa yang akan berlaku di Sabah berikutan pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri akan berlangsung secara tertib.

Berikutan itu beliau berharap tidak ada kebimbangan di kalangan rakyat berhubung perkembangan terbaru politik Sabah yang akan menyaksikan pertukaran Ketua Menteri tidak lama lagi.

"Saya mahu peralihan kuasa yang tertib, teratur dan tidak gopoh supaya keadaan tenang dapat dikekalkan. Saya juga ingin memberi jaminan kepada semua pihak bahawa ia (peralihan kuasa) akan dilakukan dengan baik," katanya pada jamuan tengah hari bersama wartawan tempatan dan persekutuan, di sini.

Beliau berkata walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memutuskan untuk menggilirkan jawatan itu, beliau (Salleh) masih menjadi ketua pentadbir buat sementara waktu.

"Saya akan berundur daripada jawatan ini dan Perdana Menteri akan menentukan bila tarikh perletakan jawatan saya berkuatkuasa," katanya.

Salleh berkata beliau telah menghantar surat peletakan jawatan yang tidak bertarikh kepada Perdana Menteri sebelum 17 Mac lepas, iaitu tarikh berakhirnya tempoh dua tahun jawatan itu dipegang oleh pemimpin Bumiputera Islam.

Bagaimanapun, pada Februari lepas, Perdana Menteri melanjutkan tempoh jawatan Salleh ke satu tarikh yang tidak ditetapkan berikutan cadangan untuk meminda undang-undang negeri bagi menghadkan kuasa Ketua Menteri negeri itu.

Rabu lepas, Dr Mahathir mengesahkan jawatan Ketua Menteri Sabah boleh digilirkan tanpa perlu menunggu pembentangan pindaan terhadap lima undang-undang negeri pada 17 dan 18 Jun ini.

Salleh berkata keputusan menghantar surat peletakan jawatan itu bukan pra-syarat daripada Perdana Menteri tetapi atas inisiatif beliau (Salleh) sendiri kerana tidak mahu dilihat sebagai seseorang yang enggan mematuhi arahan dalam soal penggiliran jawatan berkenaan.

Beliau berkata surat itu masih ada pada Perdana Menteri dan akan dihantar kepada pejabat Yang Dipertua Negeri apabila tiba masa beliau meletakkan jawatan.

"Apabila surat itu sudah berada di tangan Yang Dipertua Negeri, maka saya akan meletakkan jawatan dan dengan sendirinya semua anggota kabinet negeri akan meletakkan jawatan. Upacara mengangkat sumpah bagi Ketua Menteri dan kabinet baru akan dilangsungkan kemudian.

"Semua ini kita kena atur sebaik-baiknya supaya kekal kestabilan," katanya.

Salleh juga meminta semua pihak memberi sokongan padu kepada Ketua Menteri baru dan barisan kabinetnya bagi memastikan segala dasar kerajaan berjalan dengan lancar.

Beliau juga meminta rakyat negeri ini bertenang berikutan perkembangan politik negeri ini.

"Sabah masih mempunyai sebuah kerajaan, kabinet juga masih ada dan saya masih lagi Ketua Menteri. Kerajaan negeri masih dalam keadaan sempurna," kata beliau. -- BERNAMA

JS NAK